



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

JILID 1/2

BAGI

**PERKHIDMATAN SEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN
PENAPIS AIR DI BANGUNAN IBU PEJABAT DAN PEJABAT
CAWANGAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA UNTUK TEMPOH
3 TAHUN (2025-2027)**

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/6/492
TARIKH BUKA	15 NOVEMBER 2024
TARIKH TUTUP	29 NOVEMBER 2024
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.
www.mbsj.gov.my**

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS1 – SS4
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP1 – AKP12
D	BORANG SEBUT HARGA	BS1
E	<i>PREAMBLES</i>	P1 – P2
F	RINGKASAN SEBUT HARGA	RS1
G	SENARAI KUANTITI (BQ)	BQ1
H	PENENTUAN BEKALAN	PP1 – PP4
I	PENENTUAN PERKHIDMATAN	PB1 – PB4
J	KADAR DENDA	KD1 - KD2
K	MAKLUMAT PETENDER	MP1 – MP12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

Petender hendaklah mengambil maklum bahawa Penilaian Sebut Harga ini akan mengambilkira keupayaan Petender untuk melaksanakan projek yang ditender. Keupayaan Petender akan dinilai berasaskan kedudukan kewangan, pengalaman, kakitangan, keempunyaan loji dan peralatan dan prestasi keseluruhan. Untuk membolehkan penilaian ini dibuat, Petender dikehendaki melengkapkan dan mengemukakan salinan dokumen-dokumen sepertimana di dalam senarai semak bersama-sama sebut harganya sebagai bukti kesahihan kenyataan yang diberikan.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen Sebut Harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa penilaian Sebut Harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu Sebut Harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada Jawatankuasa Sebut Harga di setujuterima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum Sebut Harga ditutup. Maklumat dan Dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan di dalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **Sebut Harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
4	Salinan Borang D atau Borang E bagi kontraktor/pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau: Salinan Borang Teras (<i>'Super Form'</i>) bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Salinan Surat Setuju Terima yang DISAHKAN bagi projek- projek telah disiapkan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dan/atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputra dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Borang A (Maklumat Petender) – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/ keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain seperti : i) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan ii) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan iii) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) yang telah DISAHKAN dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat. iv) Salinan sijil-sijil kursus/ seminar/ latihan berkaitan	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
9	Lain-lain (Sila nyatakan) : i) _____ _____ _____ ii) _____ _____ _____	 <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	 <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen /Sebut Harga. semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar</p> <p>Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :</p>		<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....</p> <p>Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :</p> <p>Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :</p>	

* Sila potong mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SURAT AKUAN PEMBIDA (LAMPIRAN 6)

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

PERKHIDMATAN SEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENAPIS AIR DI BANGUNAN IBU PEJABAT DAN PEJABAT CAWANGAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA UNTUK TEMPOH 3 TAHUN (2025-2027)

MBSJ.KUB.400-5/6/492

Saya,(Nama Wakil Syarikat) No. Kad
Pengenalan yang mewakili
..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan
bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] .
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

ARAHAN KEPADA PETENDER



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

BORANG SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI : PERKHIDMATAN SEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENAPIS AIR DI BANGUNAN IBU PEJABAT DAN PEJABAT CAWANGAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA UNTUK TEMPOH 3 TAHUN (2025-2027)

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Y. Bhg. Dato',

Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan perincian kerja serta penentuan perkhidmatan, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan jumlah harga sebanyak:-

(Ringgit Malaysia :

.....) **RM**

bagi **tempoh perkhidmatan (ditetapkan) tiga (3) tahun.**

Saya/Kami bersetuju yang sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh Sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau perjanjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

Saya/Kami bersetuju sebut harga ini ditolak ini sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan

Petender akan **menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian** sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk **Jadual Fi Bayaran di Perkara 20.0 dalam Arahan Kepada Petender.**

Bertarikh pada haribulan 2024.

.....
(Tandatangan Petender)

Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :
No. Telefon :
Atas Sifat :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :
No. Telefon :

.....
Meteri atau Cap Petender



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

PREAMBLES

PREAMBLES

Bil	Huraian
A	<u>KRITERIA PERKHIDMATAN</u>
1.	Perkhidmatan Sewaan Dan Penyelenggaraan Mesin Penapis Air telah ditetapkan sebanyak 12 buah mesin iaitu enam (6) lokasi di dalam Bangunan Ibu Pejabat MBSJ dan enam (6) lokasi di Pejabat Cawangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Untuk Tempoh 3 Tahun (2025-2027).
2.	Tarikh mula kerja adalah seperti yang terkandung di dalam Surat Penerimaan Sebut Harga dan Surat Setuju Terima Sebut Harga.
3.	<p>Mesin Penapis Air yang ditawarkan mestilah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Jenis berdiri (<i>floor standing</i>) dengan <i>compressor</i> (sejuk dan panas) ii. Mesin mestilah baru, mempunyai tahun pengeluaran yang terkini dan mudah dialihkan. iii. Tangki panas keluli tahan karat
4.	<p>Kapasiti tangki dan saiz mesin penapis air yang dikehendaki ialah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kapasiti : Air sejuk : 7.1 liter (minima) Air panas : 3.6 liter (minima) Biasa : 10.4 liter (minima) atau setara ii. Saiz mesin : P488 X L320 X T1260mm atau setara iii. Power Consumption : Heater (550 W – 660 W) Compressor (0.7 A) atau setara iv. Filters: 14” Neo-Sense, 14” Reverse Osmosis Membrane, Plus Inno-Sense, UV-Sterilisation atau setara
5.	Perkhidmatan penyelenggaraan adalah termasuk pembersihan dalaman dan luaran mesin penapis air manakala jaminan alat ganti adalah termasuk menukar peralatan (filter) di dalam komponen mesin penapis air seperti yang terkandung dalam bahagian penentuan perkhidmatan.
6.	Pihak petender perlu mengemukakan tempoh jaminan (<i>warranty</i>) minima tiga (3) tahun untuk setiap Alat Ganti yang dibekalkan.
7.	Penyelenggaraan Mesin hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun bagi setiap mesin
8.	Sebarang kos pengangkutan, buruh dan lain-lain kos yang terlibat bagi tujuan melaksanakan perkhidmatan adalah ditanggung oleh petender yang berjaya.

B	<u>CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) BERDASARKAN AKTA CUKAI JUALAN 2018 [AKTA 806] DAN AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 [AKTA 807].</u>
5	Semua tawaran harga secara Tender / Sebut Harga yang dikemukakan oleh Petender hendaklah tanpa kiraan Cukai Jualan dan Perkhidmatan Malaysia (CJCP).
6	Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran CJCP kepada pihak Majlis sekiranya mengenakan caj CJCP kepada pihak Majlis.
7	Sekiranya Petender yang berjaya adalah berdaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), pihak Majlis akan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada Petender yang berjaya dengan tawaran harga termasuk kenaaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan Malaysia (CJCP).
8	Bagi Petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta CJCP, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar SST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka pihak Petender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak Majlis berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Akta SST 2018). Pelarasan harga kenaaan SST tersebut akan dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa (P.P).



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

RINGKASAN SEBUT HARGA

RINGKASAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/492

TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN SEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENAPIS AIR DI BANGUNAN IBU PEJABAT DAN PEJABAT CAWANGAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA UNTUK TEMPOH 3 TAHUN (2025-2027)

BIL	RINGKASAN	JUMLAH SEBULAN (RM) (A)	BULAN (B)	JUMLAH 3 TAHUN (RM) (C) = (A) X (B)
1.	Jumlah dari M/S BQ 1/1		X 36	
JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM)				

RINGGIT MALAYSIA:

.....

TEMPOH PERKHIDMATAN (DITETAPKAN) : TIGA (3) TAHUN

.....
Tandatangan Petender

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

Alamat :

.....

.....

.....

.....

Cap Rasmi :

No. Telefon :

No. Telefon :

Tarikh :

Tarikh :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

SENARAI KUANTITI (BQ)

SENARAI KUANTITI

TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN SEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENAPIS AIR DI BANGUNAN IBU PEJABAT DAN PEJABAT CAWANGAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA UNTUK TEMPOH 3 TAHUN (2025-2027)

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/492

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR SEWAAN (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
1.0	<u>SEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENAPIS AIR</u>				
A	<p>Mesin Penapis Air yang ditawarkan mestilah seperti berikut:-</p> <p>i. Jenis berdiri (<i>floor standing</i>) dengan <i>compressor</i> (sejuk dan panas)</p> <p>ii. Mesin mestilah baru, mempunyai tahun pengeluaran yang terkini dan mudah dialihkan.</p> <p>iii. Mesin penapis air ini menyediakan 3 jenis air yang sedia diminum (panas, sejuk dan biasa)</p> <p>iv. Mempunyai tangki panas keluli tahan karat dan pensterilan UV secara automatik.</p> <p>Kapasiti tangki dan saiz mesin penapis air yang dikehendaki ialah:-</p> <p>Kapasiti : Air sejuk : 7.0 liter (minima) Air panas : 3.0 liter (minima) Biasa : 10.0 liter (minima) atau setara</p> <p>Saiz mesin : P450 X L300 X T1200mm (minima) atau setara</p> <p>Power Consumption : Jimat tenaga – penggunaan tenaga kurang daripada 700w</p> <p>Filters: Menggunakan penapis air yang baik dan berkualiti atau setara</p> <p>Pemeriksaan dan pembersihan mesin serta servis sanitasi (setiap 2 bulan) MINIMA 6 KALI SETAHUN</p>	NOS	12		
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

PENENTUAN PERKHIDMATAN

PENENTUAN PERKHIDMATAN

TAJUK : PERKHIDMATAN SEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENAPIS AIR DI BANGUNAN IBU PEJABAT DAN PEJABAT CAWANGAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA UNTUK TEMPOH 3 TAHUN (2025-2027)

Penentuan Perkhidmatan adalah termasuk perkara-perkara berikut:-

1. LAPORAN PRESTASI KERJA

Pihak MBSJ berhak untuk memohon **Laporan Prestasi Kerja Bulanan** untuk memantau kemajuan kerja petender pada bila-bila masa.

2. TEMPOH PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

Tempoh kontrak bagi kerja ini adalah ditetapkan selama **3 Tahun** dari tarikh mula kerja seperti yang terkandung di dalam Surat Penerimaan Sebut Harga dan Surat Setuju Terima Sebut Harga.

3. PERKHIDMATAN SEWAAN DAN PENYELENGGARAAN

3.1 Petender hendaklah melaksanakan perkhidmatan sewaan dan penyelenggaraan bagi tujuan menukar ganti penapis air mengikut tarikh mula kontrak seperti yang telah di jadualkan di **DUA BELAS (12) lokasi** seperti (bahagian F- Jld 2) **Jadual Penempatan**.

3.2 Pihak syarikat juga akan menanggung segala kos yang terlibat termasuk kos pengangkutan dan pemasangan alat ganti bagi 12 unit Mesin Penapis Air ke semua lokasi yang telah disenaraikan sehingga perkhidmatan tersebut boleh digunakan dengan baik.

3.3 Pihak syarikat akan memastikan segala kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan / sanitasi adalah pada hari dan waktu bekerja MBSJ seperti berikut:

3.3.1 Waktu Kerja Biasa

Isnin hingga Jumaat : Jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang.

3.3.2 Walaubagaimanapun, sekiranya kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan/sanitasi tidak dapat dilaksanakan pada hari dan waktu bekerja di MBSJ, pihak kontraktor/syarikat perlu mendapatkan kebenaran/kelulusan daripada Pegawai MBSJ terlebih dahulu mengikut hari dan masa seperti berikut:-

i. **Diluar waktu bekerja/pejabat**

Isnin hingga Jumaat – 5:00 petang hingga 8:00 malam

ii. **Hari Cuti**

Sabtu dan Ahad / Cuti Kelepasan Am - Mengikut keperluan sekiranya berlaku perkara-perkara yang memerlukan tindakan segera.

iii. **Bagi kerja-kerja yang dilakukan diluar waktu dan hari bekerja seperti di para 3.2, i dan ii**

Pihak kontraktor/syarikat perlu mengisi Borang Kelulusan Untuk Menjalankan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Selepas Waktu Kerja/Pejabat seperti dilampiran.

- 3.4 Kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan Mesin Penapis Air mestilah dilakukan mengikut jadual seperti di Bahagian B Jilid 2. Sebarang kos yang melibatkan pemeriksaan, pengubahan dan pembaikan kerosakan perlu dilaksanakan tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada pihak Majlis.
- 3.5 Menggantikan sebarang bahagian atau alat ganti yang rosak agar mesin penapis tersebut dapat beroperasi dengan baik dan memuaskan hati pihak Majlis tanpa mengenakan sebarang caj tambahan.
- 3.6 Pihak syarikat juga akan menyediakan mesin penapis air tambahan sebagai *back-up machine* jika berlaku kerosakan yang memerlukan *major repair* tanpa mengenakan apa-apa bayaran tambahan.

4. TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR/SYARIKAT

4.1 Semua pekerja mestilah:

- i. Mahir dan berpengalaman dalam kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan/sanitasi mesin penapis air;
- ii. Mahir dan berpengalaman dalam kerja-kerja penukaran *filter* mesin penapis air);
- iii. Mahir dan berpengalaman dalam kerja-kerja penjagaan mesin penapis air;
- iv. Lengkap berpakaian seragam syarikat semasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan;
- v. Bersikap jujur, amanah, bersopan santun, berdisplin dan bertanggungjawab
- vi. Bebas dari rekod jenayah.

4.2 Kontraktor/syarikat dikehendaki menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) orang pekerja/penyelia semasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan/sanitasi mesin penapis air di MBSJ.

- 4.3 Kontraktor/syarikat dikehendaki menyerahkan butiran lengkap maklumat peribadi pekerja seperti nama, nombor kad pengenalan dan lain-lain kepada pihak MBSJ bagi tujuan rekod.
- 4.4 **Response time** kepada setiap aduan sama ada melalui panggilan telefon/pesanan ringkas atau e-mel adalah dalam tempoh 2-4 jam dalam hari bekerja untuk diambil tindakan.
- 4.5 Kontraktor/syarikat dikehendaki menyediakan laporan bergambar untuk kerja-kerja yang telah dijalankan berserta tarikh dilaksanakan setiap kali mengemukakan tuntutan bayaran. Kontraktor/syarikat disarankan menggunakan aplikasi *time stamp* bagi menyokong ketelusan kerja-kerja yang telah dilaksanakan. Laporan yang perlu disediakan adalah:
- a) Laporan bergambar penyelenggaraan dan pembersihan/sanitasi mesin penapis air dengan bukti tarikh dan masa pada gambar situasi semasa yang di ambil.
 - b) Laporan bergambar penukaran filter mesin penapis air.
- 4.6 Kontraktor/syarikat hanya dibenarkan berurusan dan menerima arahan daripada wakil Unit Perolehan dan Aset, Jabatan Khidmat Pengurusan yang dilantik oleh pihak Majlis sahaja.
- 4.7 Sekiranya kontraktor/syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan yang ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui maka pihak kontraktor/syarikat **boleh dikenakan tindakan tuntutan bayaran dan penggantian yang setara dengan nilai perkhidmatan/kerja/barang tersebut.**

5. PERATURAN PEMBAYARAN

- 5.1 Pembayaran hanya akan dibuat setelah pihak Majlis berpuashati dengan perkhidmatan yang dilaksanakan.
- 5.2 Tuntutan bayaran hendaklah dikemukakan pada setiap 1hb atau sebelum 7hb pada setiap bulan.
- 5.3 Setiap tuntutan bayaran perlu disertakan dengan dokumen sokongan seperti surat akuan siap kerja, laporan bergambar penyelenggaraan dan inbois tuntutan bayaran (sewaan bulanan) yang telah disahkan oleh pegawai yang dilantik terlebih dahulu. Petender perlu menyerahkan dokumen tersebut di Bahagian Pentadbiran Am, Jabatan Khidmat Pengurusan sepanjang tempoh kontrak.

6. DOKUMEN PERJANJIAN KONTRAK

Kontraktor/syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian secepat mungkin selepas semua terma dan syarat-syarat dalam perjanjian tersebut dipersetujui kedua-dua pihak dari tarikh keluarnya surat setuju terima. Sekiranya kontraktor/syarikat gagal untuk menandatangani perjanjian dalam tempoh tersebut, ia boleh menjejaskan proses tuntutan bayaran.

7. DENDA BAGI TUNTUTAN BAYARAN LEWAT

7.1 Syarikat yang akan sebut harganya disetujui terima adalah diingatkan supaya mengemukakan tuntutan bayaran kepada pihak Majlis di dalam tempoh **7 hari** selepas kerja-kerja siap dilaksanakan ditapak. Sekiranya tuntutan interim diterima selepas dari tempoh tersebut, denda akan dikenakan terhadap syarikat dimana ianya akan ditolak daripada jumlah bayaran interim tersebut. Sila rujuk jadual kadar potongan di bawah.

JADUAL KADAR POTONGAN ATAU DENDA YANG DIKENAKAN KEPADA KONTRAKTOR/SYARIKAT YANG LEWAT MENGEMUKAKAN TUNTUTAN MENGIKUT JUMLAH SATU TUNTUTAN

BIL.	JUMLAH TUNTUTAN (RM)	KADAR POTONGAN
1.	RM20,000.00 dan ke bawah	RM50.00/sehari
2.	RM20,001.00 sehingga RM50,000.00	RM100.00/sehari
3.	RM50,001.00 dan ke atas	RM200.00/sehari

7.2 Jumlah maksimum denda yang dikenakan kepada kontraktor atau pembekal 50% (lima puluh peratus) daripada jumlah tuntutan.

7.3 Walau bagaimanapun, sekiranya tuntutan melibatkan tahun kewangan berikutnya, jumlah maksimum denda adalah tidak melebihi jumlah tuntutan tersebut.

8 TUNTUTAN PALSU.

Sekiranya didapati syarikat membuat tuntutan palsu atau penipuan, pihak Majlis akan mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan tersebut dan kontrak kerja boleh ditamatkan serta-merta.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN I

PENENTUAN BEKALAN

PENENTUAN BEKALAN

Skop bekalan yang ditawarkan hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:-

A) SYARAT-SYARAT AM BEKALAN

1. KEADAAN BARANG/ALAT GANTI

Barang-barang/alat ganti yang dibekalkan hendaklah tulen, baru, belum digunakan dan menepati mutu yang telah ditetapkan.

2. HARGA

Tawaran harga adalah tidak termasuk kenaan Caj Jualan dan Caj Perkhidmatan (CJCP). Sekiranya perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan, Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran CJCP dan JKDM kepada pihak Majlis. Kegagalan atau kelewatan syarikat untuk memaklumkan kepada pihak Majlis mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan syarikat perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada pihak Majlis.

3. PEMERIKSAAN

- i) Majlis Bandaraya Subang Jaya berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan/alat ganti itu terlebih dahulu.
- ii) Petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

4. PENOLAKAN

- i) Barangan/ alat ganti yang rendah mutunya atau yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui akan ditolak oleh pihak Majlis.
- ii) Atas sebab-sebab (i) diatas, petender hendaklah menukar ganti barangan/alat ganti tersebut dengan barangan yang lain mengikut spesifikasi serta dipersetujui oleh pihak Majlis. Segala kos yang terlibat dalam proses menukar ganti alat ganti tersebut adalah dibawah tanggungan pihak petender.

5. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Petender adalah dikehendaki membuat perakuan bahawa bekalan/alat ganti yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

6. TAFSIRAN

Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan petender bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul mengenai sebut harga atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

7. PERATURAN PEMBAYARAN

Pembayaran hanya akan dibuat setelah pihak Majlis berpuashati dengan perkhidmatan yang dijalankan dan setelah semua proses penyelenggaraan dilaksanakan dalam keadaan sempurna. Pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM).

8. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan dari negeri pembekal atau dalam Malaysia boleh dimasukkan dalam Sebut Harga.

9. BARANG-BARANG “EX-STOCK” ATAU BARANG-BARANG KELUARAN DALAM NEGERI

a) Cukai

Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua jenis cukai berkaitan.

b) Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu hendaklah ditunjukkan (jika berkenaan).

10. BARANG-BARANG YANG DIIMPORT DARIPADA LUAR NEGERI

a) Cukai

Harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai yang berkaitan. Jenis-jenis cukai hendaklah ditunjukkan secara berasingan.

- b) Matawang
Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).
- c) Punca Bekalan
Jika barang-barang tidak dibeli terus dari pengilang/pengeluar, sila nyatakan nama dan alamat pembekal di mana baran-barang itu diperolehi.

B) SYARAT SYARAT KHAS

1. SPESIFIKASI TEKNIKAL

- 1.1 Pihak Majlis boleh mengubah penentuan spesifikasi dan pembekalan yang ditawarkan jika perlu. Perubahan spesifikasi ini akan dimaklumkan kepada petender melalui laman web sekiranya ada.
- 1.2 Pihak Majlis tidak bertanggungjawab terhadap apa jua kelewatan untuk membuat cadangan spesifikasi teknikal dan harga serta kelewatan menghantar dokumen sokongan petender.

2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Harga yang ditawarkan adalah harga tetap dan harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan ia hendaklah termasuk semua kos menghantar , memungghah, mengangkut dan menyelenggara.
- 2.2 Penilaian harga antara petender adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit tiap-tiap item akan diambil kira. Jika terdapat perbezaan jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, **jumlah dalam bentuk perkataan akan diambil kira.**

3. BARANGAN

- 3.1 Semua barangan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.
- 3.2 Spesifikasi alat ganti dan jadual penyelenggaraan hendaklah merujuk kepada perkara 3.5.
- 3.3 Tempoh Jaminan (*Warranty*)
 - 3.3.1 Tempoh Jaminan alat ganti yang dibekalkan ialah selama tiga (3) tahun daripada tarikh penghantaran/ penyerahan. Jaminan ini adalah bagi kegunaan biasa (*normal usage*) dan sekiranya dalam

tempoh tersebut alat ganti itu rosak bukan akibat kecuaiannya pengguna, syarikat hendaklah diminta mengganti atau memperbaikinya secara percuma.

- 3.3.2 Sekiranya pembekal didapati membekal barang/alat ganti yang tidak memenuhi spesifikasi, pihak Majlis berhak untuk tidak menerima atau memulangkan semula dan pembekal perlu menggantikan bekalan mengikut keperluan. Dalam tempoh jaminan ini, semua penggantian bekalan yang rosak hendaklah dibuat tanpa mengenakan apa-apa bayaran/kos kepada Majlis.
- 3.3.3 Pembekal adalah bertanggungjawab ke atas sebarang kesukaran atau kerosakan yang timbul akibat dari penggunaan barangan/alat ganti yang dibekalkan yang tidak mengikut spesifikasi dan menanggung semua kos yang terlibat.
- 3.3.4 Pihak Majlis akan memeriksa bekalan/alat ganti yang diterima untuk memastikan bahawa mesin penapis air beroperasi dengan sempurna. Jika terdapat sebarang kerosakan atau kekurangan, syarikat hendaklah diminta menggantikan komponen yang mengalami kerosakan itu dalam tempoh empat belas (14) hari tanpa sebarang kos tambahan.
- 3.4 Petender dikehendaki memperakui bahawa barang-barang/alat ganti yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan piawaian (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.
- 3.5 Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang tidak dipersetujui (tidak mengikut spesifikasi), tawarannya boleh ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
- 3.6 Perbelanjaan yang dilakukan mengenai barang-barang/alat ganti yang ditolak itu hendaklah ditanggung oleh Petender tanpa melibatkan sebarang kos oleh Majlis.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

KADAR DENDA

KADAR DENDA

Syarikat boleh dikenakan denda seperti berikut mengikut kes (merujuk PK 4.2 Perkara 9.10.3 (a) dan (b)) :

1. Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan/bekalan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Majlis boleh menerima peralatan/bekalan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat mengikut formula berikut :

$$\frac{V (T + D)}{T} \times 5\%$$

V: Nilai harga peralatan/bekalan yang lewat dibekalkan;

T: Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan

D: Bilangan hari yang lewat.

2. Jika syarikat menyerahkan peralatan/bekalan rendah kualiti/tidak memenuhi spesifikasi
 - a. Setelah penerimaan peralatan/bekalan sempurna dan didapati peralatan rendah kualiti daripada spesifikasi, Majlis boleh meminta syarikat menggantikan peralatan/bekalan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis.
 - b. Pihak Majlis akan mengenakan denda sebanyak 1% daripada harga peralatan itu pada setiap 7 hari bekerja kelewatan tetapi tidak melebihi 5% daripada harga peralatan tersebut.
3. Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan peralatan/bekalan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Majlis dengan menggunakan formula berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$

4. Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan/bekalan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Majlis boleh menerima peralatan/bekalan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat sehingga peralatan tersebut sedia untuk digunakan di premis yang ditentukan oleh Majlis seperti formula denda berikut:

$$A \times B \times C \times 1\%$$

A: Nilai sewaan peralatan sebulan;

B: Bilangan hari yang lewat; dan

C: Bilangan peralatan.

5. Setelah penerimaan peralatan sempurna dalam tempoh sewaan, Majlis berhak mengenakan denda sebanyak 1% daripada nilai Sewa Peralatan bagi setiap satu hari Majlis tidak dapat menggunakan peralatan untuk tujuan sewaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

MAKLUMAT PETENDER